

19/07/1997

Bakti beri bantuan amal RM555,500

Wan Nurmawati Che Rani

BADAN Amal dan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) menyumbangkan RM555,500 kepada dua organisasi dan pesakit thalasemia sebagai bantuan kebajikan.

Bantuan itu disampaikan oleh Naib Dipertua Bakti, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail kepada pesakit thalasemia, Mohd Zanel Ibrahim, 10, dan dua organisasi bukan kerajaan (NGO) iaitu Yayasan Aids Malaysia dan Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Ekonomi Wanita Luar Bandar Serantau (RSCAP) di Sri Perdana, semalam.

Cek RM5,500 disampaikan kepada ibu Mohd Zanel, Zarina Sultan; Pengerusi Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir menerima RM500,000 manakala RSAP menerima RM50,000.

Zarina berkata sumbangan Bakti itu dapat meringankan bebannya membiayai perbelanjaan kesihatan anak sulungnya, Mohd Zanel.

Menurutnya, anaknya menghidap penyakit itu sejak berusia enam bulan dan pernah menjalani pembedahan membuang limpa.

"Ketiga-tiga anak saya menghidap thalasemia tetapi Mohd Zanel paling teruk kerana terpaksa bergantung kepada mesin pam penyuntik bagi mendapatkan rawatan ubat defxeral." Mesin itu perlu digunakan 12 jam sehari dan perbelanjaan ubat bernilai RM42 sehari.

"Walaupun dua anak yang lain tidak memerlukan rawatan hospital, namun kesihatan mereka juga sering terganggu dan sering mengalami pitam dan hidung berdarah," katanya.

Sementara itu, sumbangan kepada Yayasan Aids Malaysia pula digunakan untuk bantuan bagi Skim Pembiayaan Mereka yang Hidup Dengan HIV dan Aids (MHA) yang menggunakan kaedah rawatan terapi gabungan dengan ubat AZT.

Skim itu memerlukan kos yang amat tinggi berikutan daripada 500 kes yang dirawat sekitar Kuala Lumpur, hanya 30 pesakit saja yang mampu menampung kos rawatan. Setiap rawatan bernilai kira-kira RM1,300 seorang.

Terapi itu dikatakan mempunyai beberapa faedah termasuk meningkatkan hayat pesakit, melambatkan peredaran Aids, meningkatkan kualiti hidup, mengurangkan kekerapan jangkitan menyilang dan risiko tranmisi HIV.

Manakala, sumbangan ketiga sebanyak RM50,000 kepada RSCAP pula adalah bagi mengadakan bengkel antarabangsa yang akan diadakan pada 2 hingga 9 Ogos depan di Sungai Petani, Kedah.

Bengkel itu seiringan dengan usaha RSCAP memperkembangkan program pinjaman mikro kepada wanita miskin dalam wilayah Asia Pasifik sebagai membantu meningkatkan taraf ekonomi mereka.

(END)